

13/12/2000

Rakyat desak Suqiu gugurkan tuntutan (HL)

KUALA LUMPUR, Selasa - Rakyat pelbagai keturunan dari seluruh negara hari ini mendesak Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu) menarik balik 83 tuntutannya, bagi memastikan keharmonian kaum sekarang terus dinikmati.

Mereka mahu Suqiu segera berbuat demikian bagi mengelak tuntutan itu bertukar menjadi isu perkauman yang boleh menggugat kestabilan politik dan perpaduan kaum.

Tinjauan Berita Harian mendapati bantahan terhadap tuntutan Suqiu itu bukan saja daripada orang Melayu dan Bumiputera, malah turut kurang disenangi oleh orang Cina.

Seorang perunding di sini, K T Ng, 48, berkata Suqiu seharusnya mengadakan perbincangan dengan kerajaan sebelum mengemukakan tuntutan itu.

"Biar apa pun keputusan yang dibuat, ia perlulah adil dan tidak menyentuh mana-mana pihak serta keputusan yang dibuat perlulah bijak," katanya.

Peniaga kedai gambar di Seremban, Yap Fong Mee, 50, berkata Suqiu tidak seharusnya membuat tuntutan yang bertentangan dengan perkara yang sudah dipersetujui bersama.

"Apa yang penting ialah kita perlu hidup bersama, menjaga keamanan dan menikmati kemakmuran yang selama ini memberi manfaat kepada semua," katanya.

Semalam Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Suqiu mencabar kontrak sosial yang menjadi asas pembentukan Malaysia apabila mendesak kerajaan memenuhi 83 tuntutannya, baru-baru ini.

Perdana Menteri menegaskan, jika semua tuntutan itu dipenuhi, kerajaan terpaksa mengetepikan Perlembagaan dan membelakangkan kontrak sosial yang menjadi asas negara ini.

Malah, katanya, jika semua tuntutan yang terkandung dalam memorandum mengandungi 17 tajuk itu dilayan, Malaysia juga tidak lagi aman dan tidak mungkin maju.

Chandra Segaran, 39, pula berpendapat tuntutan sedemikian tidak sepatutnya berlaku lebih-lebih lagi selepas 43 tahun mencapai kemerdekaan.

Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia, Asyraf Wajdi Dusuki berkata, Suqiu patut menarik balik tuntutan berkenaan.

Katanya, tuntutan Suqiu itu tidak realistik kerana suasana hubungan dan perpaduan kaum di negara ini baru hendak mencapai kematangan.

Pegawai Bank, Safri Abu Yamin, berkata Suqiu tidak wajar meneruskan tuntutan mereka yang jelas tidak boleh membantu keharmonian kaum.

"Suqiu perlu menarik balik dan melupakan tuntutan yang hanya akan menyentuh hati orang Melayu," katanya.

Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Norhafizah Abu Bakar, 24, berkata tuntutan itu perlu dihentikan segera kerana orang Melayu, selaku penduduk asal negara ini mempunyai keistimewaan tersendiri.

"Tindakan Suqiu menuntut 83 perkara itu seolah-olah mereka tidak menghormati orang Melayu yang mempunyai hak keistimewaan menerusi persetujuan dicapai sebelum negara mencapai kemerdekaan," katanya.

Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia, Datuk Mohamad Izat Emir, juga mendesak Suqiu menarik balik tuntutan mereka.

Katanya, tindakan Suqiu itu seolah-olahnya menunjukkan perasaan mereka sebagai rakyat Malaysia sangat kurang.

Tokoh pendidikan, Tan Sri Dr Wan Zahid Noordin berkata, Suqiu tidak

sepatutnya menolak persetujuan dan persefahaman yang sudah dicapai oleh pemimpin semua kaum sewaktu negara mencapai kemerdekaan.

Katanya, persetujuan itulah yang menjadi titik tolak kewujudan negara serta kesinambungan masyarakat majmuk di Malaysia.

Majlis Belia Malaysia pula meminta kerajaan bertegas dengan keputusannya tidak menerima tuntutan Suqiu.

Presidennya, Saifuddin Abdullah berkata, kerajaan tidak sewajarnya melayan permintaan Suqiu bagi mempertahankan hak majoriti rakyat yang tidak setuju dengan tindakan jawatankuasa berkenaan.

Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Datuk M Kayveas meminta Suqiu menilai semula semua tuntutan yang dikemukakan selaras kenyataan Perdana Menteri semalam.

Di GEORGETOWN, Ketua Cawangan Umno Sungai Nibong Kecil, Roslan Mohamad, 38, berkata Suqiu seharusnya sedar selama ini orang Melayu banyak memberi hak keistimewaan mereka kepada bangsa lain.

Jonny Loh, 44, dari Bayan Baru, berkata dalam suasana negara yang aman dan damai sekarang, semua kaum seharusnya mengekalkan perpaduan dan semangat kejiiran.

"Amat mendukacitakan apabila ada pihak seperti Suqiu menimbulkan isu sensitif yang boleh menyinggung perasaan kaum lain," katanya.

R K Joseph, 38, dari Sungai Pinang, kemakmuran yang dinikmati negara sekarang seharusnya dikekalkan tanpa ada pihak cuba menimbulkan isu sensitif, sekali gus menyebabkan negara huru hara.

Pengawal Keselamatan kilang, Shafie Mat, 55, mahu pemimpin pertubuhan dan persatuan Melayu mengadakan program kesedaran terhadap semua golongan terutama remaja di negara ini.

DI SEREMBAN, Presiden Kesatuan Perkhidmatan Teknikal Malaysia (MTSU), Md Yusop Harmain Shah, mengingatkan pihak berkenaan jangan cuba bermain api atau `menjolak sarang tebuan`.

Pekerja kilang, Norzali Sahari, 29, orang Melayu akan marah terhadap sikap Suqiu yang kelihatan meniupkan api perkauman.

Peniaga, N Sreedharan, 26, berkata kumpulan itu sepatutnya menghentikan desakan membuat tuntutan melampau daripada kerajaan.

Di KUALA TERENGGANU, Pengerusi Persatuan Bekas Mahasiswa Universiti Malaya (PBMUM) Hulu Terengganu, Mohd Farid Mohd Ghazali berkata, tuntutan Suqiu tidak relevan dengan hasrat kerajaan membawa negara ke era baru.

Presiden Kelab Bekas Penuntut Universiti Putra Malaysia (KBPUPM) Marang, Mohd Sazali Mat Hussain pula berkata, jika perbezaan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera dimansuhkan, akan berlaku ketegangan kaum di negara ini.

"Jangan menuntut perkara pelik dan tidak munasabah. Kalau semua kaum berbuat begitu, lambat laun, negara kita akan huru-hara. Saya rasa majoriti rakyat negara ini tidak mahu ini berlaku," katanya.

Di IPOH, kontraktor, Mazlan Shaari, 51, berkata isu tuntutan Suqiu tidak timbul jika jawatankuasa itu menerima kenyataan bahawa Malaysia memiliki penduduk pelbagai kaum.

"Mereka perlu terima kenyataan masyarakat negara ini majmuk. Yang mana sudah ditentukan hak Cina, hak Cinalah, jika hak Melayu, hak Melayulah," katanya.

Pesara tentera, Che Li Awang, 57, dari Lenggong berkata, hak kaum Melayu tergugat dengan isu yang dicituskan oleh Suqiu.

"Suqiu lakukan semua itu bagi menjaga kepentingannya sendiri. Tidakkah mereka sedar perjanjian sebelum negara merdeka 43 tahun lalu?" katanya.

Peniaga, Mohd Zambri Mohamad, 23, pula beliau hairan mengapa selepas 43 tahun merdeka, baru dibangkitkan mengenai hak keistimewaan antara kaum di Malaysia.

"Ini sudah disebut dalam perlembagaan negara, tidak perlu diungkit lagi. Perkara itu sensitif, jika diungkit sudah tentu akan menimbulkan

kemarahan," katanya.

Peniaga, Mohd Rakidin Sabri, 31, berkata hak istimewa Melayu adalah satu-satunya hak yang tinggal dan tidak boleh diperlekehkan.

"Itu perlu dipertahankan walaupun macam mana sekalipun. Sehubungan itu, isu tuntutan Suqiu perlu ditangani dengan cara yang baik," katanya.

Di KOTA BHARU, kakitangan awam, Yahya Mamat, 48, meminta pemuda parti komponen Barisan Nasional (BN) bangkit menyelesaikan masalah yang menjadi tuntutan Suqiu.

Pembantu kedai, Nurulasmak Abdul Rahman, 20, berkata perpaduan pelbagai kaum yang wujud selama ini hanya akan kekal jika isu sensitif seperti itu diketepikan. Orang Melayu tidak melihat tuntutan Suqiu sebagai satu gurauan.

Di KUANTAN, penjual telefon bimbit, Dolah Kom, berkata Suqiu tidak seharusnya bertindak menuntut hak yang tidak termaktub dalam Perlembagaan.

"Mereka tidak perlu berbuat demikian dalam negara yang didiami pelbagai bangsa," katanya.

Pekerja swasta, P Amba pula tidak menolak kemungkinan berlaku kekacauan jika semua tuntutan Suqiu dipenuhi.

Kakitangan awam, Abdul Razak Ahmad, mahu kerajaan mengutamakan keamanan dan perpaduan kaum, sekaligus menolak tuntutan Suqiu.

Azwira Abdullah yang sependapat dengan Abdul Razak, mahu Suqiu menghentikan tuntutan demi perpaduan kaum negara ini.

Di ALOR STAR, kontraktor, Ahmad Zuki, 38, berkata Suqiu perlu bertolak ansur dan menarik balik tuntutan itu.

"Bumiputera masih ketinggalan (dalam bidang ekonomi)... mengapa perlu dibangkitkan soal ini... biarlah ia kekal seperti sedia ada," katanya.

Peniaga, Zulkifli Yaakob, 38, pula berkata Suqiu perlu bertolak-ansur dalam perkara sensitif seperti itu.

"Inilah akibatnya jika Melayu sendiri lemah dan tidak bersatu kemudian ada pula pihak yang mengambil kesempatan ke atas kelemahan itu," katanya.

Pekerja swasta, Khairul Rizal Md Hashim, 24, pula berkata semua parti politik yang mewakili Melayu perlu berbincang dengan Suqiu untuk menyelesaikan masalah itu.

Rizaki Mat Lazim, 26, juga sependapat menyokong jika Suqiu menarik balik tuntutan itu bagi menjaga keharmonian kaum yang dinikmati sekarang.

Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Kedah, Mohd Said Abdullah, berkata Pemuda Umno perlu menunjukkan kepemimpinan Melayu dalam menyelesaikan perkara itu.

Di JOHOR BAHRU, Ahli Jawatankuasa Pemuda Umno Pulai, Yusaini Ali, mendesak Suqiu menarik balik semua tuntutan itu kerana ia boleh menimbulkan perselisihan faham dan ketegangan kaum.

Eksekutif bank, Joffi Jaafar, 29, menegaskan bangsa Melayu begitu sensitif jika ada pihak mempersoalkan hak keistimewaan kaum itu.

Pemandu teksi, E Karuppiyah, 52, dari Pasir Gudang berkata, rakyat perlu mematuhi Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang sudah termaktub sejak merdeka dulu.

DI KOTA KINABALU, pemimpin belia, Perman Abu Bakar, berkata Suqiu tidak perlu meletakkan masyarakat berbilang kaum di negara ini dalam keadaan tidak selesa atau mencetuskan kembali perbalahan kaum.

Pelajar Perhubungan Awam, Lily Untan Yong, pula tidak mahu masa depan Malaysia terjejas akibat perasaan tidak puas hati atau saling mencurigai antara Bumiputera dan bukan Bumiputera ekoran tuntutan Suqiu itu.

Usahawan kecil, Miheldin Abdul Rahim, berkata jika tuntutan itu dipenuhi, pribumi di negeri ini akan terus tertinggal dan tidak dapat bersaing dengan peniaga Cina yang sudah kaya-raja.

Ketua Kampung Meruntum Lok Kawi, Pengiran Zainal Abidin Pengiran Besar, hairan kenapa Suqiu mempertikaikan semula hak sebenar masyarakat pribumi

negara ini yang menjadi asas kepada kewujudan Malaysia sekarang.

Di KUCHING, Hashim Tahot, 46, percaya tujuan Suqiu ialah untuk merampas semua yang dianggap sebagai hak mereka.

David Lo Chee Hiong, 30, pula berkata apa yang dinikmati masyarakat Bumiputera dan bukan Bumiputera sekarang sama.

"Kita bersama mengejar kejayaan dan masyarakat Cina sudah berada lebih maju sejak dulu lagi," katanya.

Bohari Husaini, 40, bimbang huru-hara di negara ini jika kerajaan melaksanakan tuntutan itu.

Aleng Anak Brai, 55, berkata Suqiu tidak sepatutnya membangkitkan isu yang boleh mendatangkan perpecahan kepada rakyat berbilang kaum.

Then Wee Kiong, 54, adalah tidak wajar masyarakat Cina yang lebih maju, terutama dalam bidang perniagaan, membuat tuntutan itu sebaliknya mereka harus bekerjasama dengan Bumiputera.

(END)